

1800

1100033024

LI 41 FPE 1 2002



1100033024

Laporan akhir latihan industri di Lembaga Tabung Haji Daerah Setiu, Terengganu / Siti Hawa Draman.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

02

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
LEMBAGA TABUNG HAJI DAERAH
SETIU, TERENGGANU**

**OLEH :
SITI HAWA BINTI DRAMAN
Sarjana Muda Sains
(Polisi Awam dan Sekitaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengajian Am
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2002

1100033024

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang.

Alhamdulillah saya mengucapkan syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah inayahnya dan kurniannya, dapatlah saya menyiapkan tugas yang diberi ini, walaupun dalam serba kekurangan baik dari segi masa, tenaga, pengalaman dan idea. Terlaksana sudah segala usaha yang diamanahkan kepada saya untuk menyiapkan Laporan Latihan Industri ini.

Di sini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak universiti (Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia) kerana membenarkan kami menjalani Latihan Industri yang mengambil masa selama 12 minggu. Tidak lupa juga kepada pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang banyak membantu dalam memberi maklumat yang berguna untuk persediaan menjalani latihan industri ini.

Kalungan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia industri iaitu Hj. Zakaria bin Mat di atas tunjuk ajar yang diberikan. Tidak dilupakan kepada Dr. Wan Ibrahim Wan Ahmad selaku Penyelaras Program Polisi Awam dan Sekitaran, yang banyak meluangkan masa untuk menguruskan Latihan Industri ini. Segala kesulitan yang dihadapi dapat diselesaikan walaupun pada awalnya banyak menghadapi rintangan.

Kesudian pihak Tabung Haji Setiu menerima saya untuk menjalani Latihan Industri merupakan jasa yang tidak terhingga. Jasa baik Pengurus Tabung Haji Daerah Setiu iaitu Tuan Haji Zainudin bin Hj Abd Rahim tidak dapat saya lupakan. Segala bantuan, tunjuk ajar dan keramahan yang diberikan membuatkan saya mendapat input yang berguna disamping membuatkan saya tidak rasa terpinggir.

Kepada semua pegawai yang bertugas di Tabung Haji Setiu, jutaan terima kasih yang tidak terhingga kerana banyak memberi tunjuk ajar dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Keramahan yang ditunjukkan membuatkan saya merasa sebahagian daripada mereka.

Ucapan terima kasih juga di ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar. Tanpa kerjasama yang bersepadu, laporan tugas ini mungkin hanyalah sehelai kertas kosong yang tidak memberi manfaat kepada sesiapa sahaja.

Buat keluarga tersayang yang banyak memberi semangat dan sokongan, jasa kalian tidak dapat saya balas. Harapan saya, semoga segala maklumat dan input yang diperolehi dapat dikongsi bersama sebagai pengetahuan dan pengalaman bagi memperdalamkan lagi ilmu pengetahuan.

PERAKUAN

Saya Siti Hawa binti Draman, pelajar Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Sarjana Muda Sains – Polisi Awam dan Sekitaran (Tahun 3) telah menjalankan Latihan Industri (LI) di Lembaga Tabung Haji Daerah Setiu. Saya dengan ikhlasnya mengakui bahawa segala maklumat dan pengetahuan, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak pihak KUSTEM dan **TH** Setiu.

Disediakan oleh

.....
(SITI HAWA BINTI DRAMAN)

S.M.S – Polisi Awam Dan Sekitran

KUSTEM

Disahkan oleh :

.....
(HAJI ZAKARIA BIN MAT)

PENYELIA INDUSTRI

KANDUNGAN

Penghargaan	i
Perakuan	iv
Absrak	v
BAB 1 LATARBELAKANG ORGANISASI	
1.1 Pengenalan	
Sejarah Penubuhan	1
Logo TH	3
Konsep dan Dasar TH	5
Piagam Pelanggan	5
1.2 Maklumat Organisasi	
Sejarah Ringkas/ Latarbelakang	7
Misi Korporat Lembaga TH	8
Tujuan TH	9
Kelebihan Menyimpan di TH	10
Matlamat Lembaga TH Setiu	11
Objektif Penubuhan TH Setiu	12
Jemaah Lembaga Pengarah, Majlis Penasihat dan Ketua Pegawai Eksekutif	12
1.3 Carta Organisasi	14
Struktur Organisasi	15
1.4 Aktiviti Organisasi	19
1.5 Perkhidmatan dan Produk yang disediakan TH	
Perkhidmatan yang disediakan TH	20
Pendaftaran Haji dan Pembatalan Haji	20
Simpanan	21
Pengeluaran	21
Produk yang disediakan TH	
SHGSSM	22
Skim Potongan Gaji Diri dan Keluarga	24
Skim Pelaburan Ahli KWSP	25
Pelan Tabungan untuk Saraan Bulanan	26
1.6 Kemahiran yang Dipelajari	28

BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 Penemuan	
Mengesan Sistem Sedia Ada	34
Mengenalpasti Masalah	39
Masalah yang dihadapi pelatih	42
Penemuan Kekuatan	43
Ancaman	45
2.2 Analisis Masalah dan Perbincangan	
Cadangan Penyelesaian	47
Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	48
Penutup	51
Rujukan	52
Lampiran	

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tabung Haji Daerah Setiu terletak di Bandar Permaisuri iaitu lebih kurang 70 kilometer dari Bandar Kuala Terengganu. Objektif utama pembukaan **TH** di Daerah Setiu adalah untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk di sekitar Daerah Setiu dalam mengendalikan urusan untuk menunaikan haji di samping menjadi sebuah institusi Kewangan dan pelaburan yang utama di daerah ini.

Tumpuan diberikan terhadap pengurusan dan pentadbiran serta perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi ini. Daripada pelaksanaan sistem organisasi kini telah memperlihatkan kejayaan **TH** Setiu sebagai sebuah institusi urusan haji dan kewangan yang mampu bersaing dengan institusi kewangan yang lain. Antara perkhidmatannya ialah urusan pendaftaran haji, simpanan dan pengeluaran. Selain itu terdapat juga produk yang disediakan iaitu Skim Potongan Gaji Bulanan Diri dan Keluarga, Skim Hadiah Galakan Sekolah-Sekolah Malaysia dan lain-lain produk.

Namun begitu, disebalik kejayaan ini, beberapa penemuan masalah dapat dikenalpasti seperti sistem pengeluaran terbatas dan lambat, tenaga kerja yang tidak mencukupi dan sikap anggota itu sendiri. Setiap pengenalpastian masalah ini, dinyatakan cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah ini.

Oleh yang demikian, laporan ini secara langsung menerangkan dengan lebih terperinci sejarah penubuhan, maklumat organisasi, carta organisasi, aktiviti organisasi, perkhidmatan dan produk yang disediakan. Di bahagian bab dua pula, diterangkan dengan lebih terperinci masalah-masalah yang dikenalpasti, sistem sedia ada dan cadangan penyelesaiannya.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH